



**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL. 5/2023**

**PERKARA-PERKARA BERKAITAN PEMBATALAN PELUCUTHAKAN DI BAWAH
SEKSYEN 133 KANUN TANAH NEGARA [AKTA 828]**

1. TUJUAN

Arahan ini adalah sebagai panduan kepada semua warga kerja pentadbiran tanah di seluruh Negeri Sembilan mengenai perkara-perkara berkaitan pembatalan pelucuthakan di bawah seksyen 133 Kanun Tanah Negara [Akta 828] (KTN).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (KPTG) telah mengeluarkan Pekeliling KPTG Bilangan 17/2022 – Pembatalan Pelucuthakan Di Bawah Kanun Tanah Negara [Akta 828](KTN) sebagai panduan dan penjelasan kepada semua pentadbiran tanah Negeri.
- 2.2. Perkara penting yang dimaklumkan dalam pekeliling tersebut adalah seperti berikut:
 - 2.2.1. Suatu pelucuthakan dan kesan-kesan di bawah seksyen 131 KTN berkuatkuasa setelah notis dalam Borang 8A diwartakan.

- 2.2.2. Permohonan pembatalan pelucutahan boleh dibuat melalui satu petisyen pada bila-bila masa oleh tuan punya tanah berdaftar terakhir semasa tanah dilucutahkan. Permohonan pembatalan pelucutahan tidak boleh dibuat sebelum pelucutahan berkuatkuasa.
- 2.2.3. Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dalam memberikan pertimbangan ke atas petisyen pembatalan pelucutahan boleh:
- (a) Menolak petisyen tersebut; atau
 - (b) Membenarkan atau meluluskan petisyen tersebut dengan mengenakan satu penalti tidak melebihi enam (6) kali dari jumlah yang dituntut di dalam notis Borang 6A bagi pelucutahan akibat tunggakan sewa tanah; atau
 - (c) Membenarkan atau meluluskan petisyen tersebut dengan mengenakan suatu kadar yang akan ditentukan oleh PBN termasuk kos-kos yang terlibat semasa pelucutahan tanah akibat kemungkiran kategori dan/atau syarat syarat tanah.
- 2.2.4. Penolakan petisyen pembatalan pelucutahan oleh PBN tidak menghalang PBN untuk memberimilik semula tanah tersebut kepada tuan punya asal.
- 2.2.5. Sekiranya PBN mengambil keputusan meluluskan petisyen pembatalan pelucutahan tersebut, Pendaftar atau Pentadbir Tanah hendaklah mengaktifkan semula hakmilik yang telah dibatalkan dalam daftar hakmilik.

- 2.2.6. Sekiranya PBN memutuskan untuk memberimilik semula tersebut kepada tuan punya asal, suatu hakmilik baharu hendaklah didaftarkan.
- 2.2.7. Rayuan terhadap pelucuthakan tanah diperuntukkan di bawah seksyen 134, KTN dan boleh dibuat mengikut seksyen 418 KTN dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh perayu dimaklumkan keputusan pelucuthakan tanah oleh Pentadbir Tanah.
- 2.2.8. Seksyen 132 KTN, memperuntukkan supaya PBN tidak memberimilik tanah yang berkenaan sebelum tamat tempoh tiga (3) bulan tersebut atau sebelum keputusan bagi rayuan rayuan dibuat atau prosiding-prosiding selanjutnya yang berhubung dengannya.
- 2.2.8. Walau bagaimanapun, PBN berhak untuk membatalkan pelucuthakkan berdasarkan petisyen yang dikemukakan di bawah seksyen 133(1) KTN atau memberimilik semula tanah kepada tuan punya tanah tersebut sebelum tamat tempoh tiga (3) bulan tanah berimilik itu dilucuthak.

3. PELAKSANAAN

- 3.1. Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan (PTGNS) telah mengeluarkan Arahan PTGNS Bil 6/2020 berkaitan Senarai Semak Dan Proses Kerja Bagi Urusan Tuntutan Tunggakan Sewa Tanah (Notis Borang 6A, Notis Borang 6A Gantian), Urusan Pelucuthakan Tanah (Notis Borang 8A) Dan Urusan Pembatalan Pelucuthakan Tanah Mengikut Seksyen 133 KTN Dan Melalui Perintah Mahkamah pada 7 September 2020 yang antara lain telah menetapkan **senarai semak**,

proses kerja dan tempoh masa bagi urusan pembatalan pelucuthakan tanah di bawah seksyen 133 KTN.

- 3.2. PTGNS juga telah mengeluarkan Pekeliling PTGNS Bil 6/2022 berkaitan Kaedah Dan Tatacara Permohonan Pemberimilikan Tanah Yang Telah Dilucuthak Secara Sempurna Akibat Kegagalan Menjelaskan Bayaran Cukai Tanah Di Bawah Seksyen 76 KTN.
- 3.3. Pekeliling PTGNS Bil 6/2022 dan Arahan PTGNS Bil 6/2020 tersebut boleh digunakan sebagai panduan dalam memproses permohonan pembatalan pelucuthakan di bawah seksyen 133 KTN.

4. TARIKH KUATKUASA

- 4.1. Arahan ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling KPTG Bilangan 17/2022 – Pembatalan Pelucuthakan Di Bawah Kanun Tanah Negara [Akta 828].
- 4.2. Arahan ini berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.



(AMINO AGOS BIN SUYUB)

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh :  Februari 2023

Rujukan : Bil (37) dlm. PTGNS.10/17 klt.4